

Literasi dan Kewarganegaraan Digital: Konsep dan Strategi Implementasi dalam Pendidikan di Malaysia

(Digital Literacy and Citizenship: Implementation Concept and Strategy in Malaysia Education)

Norizzathy Agir^{1*}, Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: norizzathy@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: effendi@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Norizzathy Agir
(norizzathy@gmail.com)

KATA KUNCI:

Literasi digital
Kewarganegaraan digital
Konsep
Strategi
Implementasi

KEYWORDS:

Digital literacy
Digital citizenship
Concept
Strategy
Implementation

CITATION:

Norizzathy Agir & Mohd Effendi @ Ewan Mohd Matore. (2022). Literasi dan Kewarganegaraan Digital: Konsep dan Strategi Implementasi dalam Pendidikan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001367.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1367>

ABSTRAK

Literasi dan kewarganegaraan digital tidak banyak dibincangkan dalam konteks pendidikan di Malaysia. Meskipun penggunaannya sudah meluas, namun wujud kelompangan berkaitan pemahaman serta implementasinya dalam sistem pendidikan. Kertas kerja ini menjelaskan konsep literasi dan kewarganegaraan digital serta beberapa strategi pelaksanaan literasi dan kewarganegaraan digital yang boleh dilaksanakan dalam pendidikan di Malaysia. Strategi yang diusulkan adalah pengukuhan penguasaan literasi digital, penerapan pendidikan kewarganegaraan digital dalam pengajaran dan pembelajaran, mempromosikan kurikulum asas etika dan standard tingkah laku dalam platform digital, memperkasakan guru daripada aspek pemahaman literasi digital dan kewarganegaraan; serta meningkatkan pemahaman ibu bapa mengenai teknologi. Kertas konsep ini memberikan implikasi kepada usaha untuk melahirkan garis panduan tingkah laku yang penting melibatkan penggunaan media digital. Garis panduan ini akan membawa kepada perubahan cara kerja dan implementasi yang lebih berhemah kepada komuniti pendidikan di Malaysia. Cadangan lanjut boleh dibuat dengan menghubungkan pemahaman literasi dan kewarganegaraan digital dengan pemboleh ubah lain seperti jati diri, kemahiran teknologi dan semangat kenegaraan.

ABSTRACT

Digital literacy and citizenship are not much discussed in the context of education in Malaysia. Although its use is widespread, there is a lack of understanding and implementation in the education system. This paper explains several concept and strategies of digital literacy and citizenship that can be implemented in Malaysia education. The proposed strategies are strengthening the

mastery of digital literacy, the application of digital citizenship education in teaching and learning, promoting the basic curriculum of ethics and behavioral standards in digital platforms, empowering teachers in terms of understanding digital literacy and citizenship; as well as improving parents' understanding of technology. This concept paper implicates efforts to produce important behavioral guidelines involving the use of digital media. These guidelines will lead to changes in the way of working and more prudent implementation of the education community in Malaysia. Further suggestions can be made by linking the understanding of literacy and digital citizenship with other variables such as identity, technological skills, and the citizen spirit.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada dalam memperkukuhkan literasi digital dan mengimplementasikan kewarganegaraan digital dalam pendidikan menengah dan rendah di Malaysia. Idea dari konsep dan strategi literasi dan kewarganegaraan digital ini juga boleh dijadikan rujukan pendidik dan badan ilmu dalam usaha melahirkan masyarakat digital yang beretika dan berpengetahuan tinggi dalam kalangan pelajar.

1. Pengenalan

Keperluan yang tinggi terhadap penggunaan teknologi memberi kesan kepada pendidikan di seluruh dunia. Teknologi digital menjadi medium penting dalam persekitaran pembelajaran dan institusi-institusi pendidikan. Pembangunan dasar pendidikan negara bagi kebanyakan negara-negara membangun kebelakangan ini dipengaruhi oleh faktor desakan semasa dan juga permintaan ekonomi dan piawaian global yang mendukung konsep kemahiran abad kedua puluh satu sebagai keperluan untuk menyediakan pelajar ke pasaran ekonomi global (Linuma, 2016). Pada masa yang sama, serangan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 di seluruh dunia memaksimumkan penggunaan teknologi digital sebagai medium utama dalam menghubungkan semua sistem dalam urusan dunia sehingga hari ini melibatkan jaringan sosial, urusan ekonomi, pekerjaan, pendidikan, telekomunikasi, perbankan, hiburan mahupun urusan harian.

Penggunaan aplikasi digital secara meluas dalam sektor pendidikan atas desakan deklarasi pendidikan dan kerangka tindakan *UNESCO 2020 COVID-19 Educational Disruption and Response* menggesa perubahan dan idea kreatif dalam melaksanakan pengajaran, pembelajaran dan penilaian menggunakan aplikasi digital dan teknologi komputer (Chukwuemeka et al., 2020; Joshi et al., 2021). Implikasi serangan pandemik COVID-19 ini telah mengubah sejarah sistem pendidikan dunia yang menyebabkan kerencatan pembelajaran 1.6 bilion pelajar di 160 buah negara melibatkan negara berpendapatan tinggi mahupun berpendapatan rendah (De Giusti, 2020). Sektor pendidikan telah melakukan anjakan drastik bagi melaksanakan pengajaran tanpa bersemuka bertujuan membendung keciciran penyampaian pendidikan dan mencegah penularan pandemik yang melanda seluruh dunia. Malaysia antara negara yang terjejas dengan situasi ini telah memperkenalkan PDPR iaitu pengajaran dan pembelajaran secara maya di rumah dengan penggunaan teknologi digital dan web sebagai medium

dan pendekatan utama dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran terutama di semua peringkat pendidikan tinggi, menengah dan rendah.

2. Keperluan Literasi dan Kewarganegaraan Digital dalam Pendidikan

Penggunaan teknologi digital dalam pendidikan telah bermula semenjak setengah abad yang lalu. Ia mewujudkan keperluan untuk membangunkan kerangka kerja konseptual dalam pedagogi serta merencana strategi yang berkesan dan bermakna supaya meningkatkan penglibatan pelajar secara aktif yang membawa kepada hasil pembelajaran yang lebih baik (Ng, 2015a). Di Malaysia, pendidikan teknologi ICT yang telah diperkenalkan sejak di peringkat sekolah rendah dan menengah hanya memberi tumpuan kepada penggunaan aplikasi dan perisian komputer. Pendidikan di Malaysia dilihat belum menjurus kepada penggunaan aplikasi digital dan web. Revolusi dalam amalan penggunaan media digital secara menyeluruh dalam kehidupan juga menyebabkan pertukaran ciri-ciri individu digital kepada ciri-ciri masyarakat digital. Pengaplikasian alat digital secara meluas sebagai usaha untuk mewujudkan warga digital kepada masyarakat digital memerlukan penguasaan literasi yang tinggi warganya merangkumi pemahaman dan kemahiran terhadap media digital yang berlandaskan tanggung jawab kepada amalan dan kod etika dalam kewarganegaraan digital (Aytekin & Azlem, 2014; Mourad et al., 2018; Wedlock & Growe, 2017).

Sebilangan besar interaksi dunia digital yang berlaku pada jarak yang jauh telah mengurangkan peraturan, sebab, tindakan dan akibat. Terdapat aktiviti digital tanpa memerlukan identiti yang menjadikan ianya mudah bagi aktiviti tingkah laku yang tidak beretika bahkan menyalahi undang-undang (Thota & Joao, 2019). Pemerkasaan terhadap literasi digital dan penerapan nilai kewarganegaraan digital dalam pendidikan harus dipergiat lebih meluas bagi membudaya dan mendidik anak-anak untuk belajar dan bergiat aktif dalam masyarakat digital melalui pembelajaran mahupun kompetensi. Pengetahuan, kemahiran dan pemahaman ini diperlukan bagi pengguna mempertahankan hak dan tanggungjawab demokratik mereka semasa dalam talian, serta mempromosikan perlindungan hak asasi manusia, demokrasi dan kedaulatan undang-undang dalam dunia maya.

Kewarganegaraan dan literasi digital yang lemah boleh menyebabkan pelajar melayari laman web yang tidak selamat, kehilangan data penting, bahkan menjadi mangsa serangan siber atau buli (iaitu risiko yang berbahaya). Adorjan & Ricciardelli (2019) menjelaskan bahawa risiko siber adalah sasaran yang sentiasa ada selain tindak balas masyarakat untuk memerangi penganiayaan siber sering dikuasai oleh ketidakpercayaan golongan muda. Risiko ini juga meneroka tentang cara golongan muda mentakrif, melihat dan mengalami sesuatu risiko siber, serta cara mereka bertindak balas terhadap kedua-dua mesej yang mereka terima daripada masyarakat berkenaan keselamatan mereka dalam talian. Risiko turut melibatkan pelbagai strategi dan amalan yang digunakan oleh masyarakat dalam mengawal selia akses dan aktiviti dalam talian. Sungguhpun perubahan pesat dalam landskap pendidikan digital hingga ke hari ini, persoalan mengenai tahap literasi dan kepelbagaian mod komunikasi pelajar dalam dunia maya masih menjadi tanda tanya dan memerlukan penerokaan bagaimana mengintegrasikan literasi digital dan tradisional serta kenegaraan digital secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran serta kehidupan (Iinuma, 2016). Kesediaan dan keperluan pelajar memahami, mengendali, menguasai teknologi digital dalam pembelajaran dan menjalankan aktiviti harian sebagai pelajar dan warga digital memerlukan satu pendedahan melalui konsep dan strategi pelaksanaan kurikulum dan

penilaian literasi dan kewarganegaraan digital yang komprehensif. Ia bertujuan menyokong serta memastikan pedagogi inovatif ini dapat menyediakan pelajar untuk tenaga kerja dan warga negara digital masa depan yang kompeten dan berkebolehan (Azman et al., 2020; Ng, 2015b). Justeru kertas konsep ini akan membentangkan perihai penekanan mengenai konsep literasi dan kewarganegaraan digital yang perlu dikuasai oleh pelajar dan strategi pelaksanaan yang boleh dilaksanakan di peringkat pendidikan menengah dan rendah khususnya di Malaysia.

3. Konsep Literasi dan Kewarganegaraan Digital

Bahagian ini menjelaskan berkaitan literasi digital dan kewarganegaraan digital. Kedua – dua istilah ini telah berkembang seiring dengan kemajuan teknologi dan pendigitalan merangkumi mod penyampaian, teknikaliti dan kecekapan digital. Aspek kewarganegaraan digital ini pula membantu komuniti untuk mematuhi norma tingkah laku yang sesuai selain bertanggungjawab terhadap perkembangan pesat sains dan teknologi.

3.1. Literasi Digital

Literasi merujuk kepada kemahiran membaca dan menulis dan dianggap sebagai faktor penting dalam proses pembinaan pengetahuan di dalam bilik darjah. Walau bagaimanapun, definisi literasi telah berkembang kepada kecekapan menggunakan mod komunikasi yang berbeza, seperti imej visual dan akses Internet dan web. Istilah seperti literasi media, literasi multimodal, literasi maklumat, literasi IT dan literasi digital berkembang sebagai medium utama penyampaian pendidikan hari ini (Iinuma, 2016). (Cavus et al., 2018) pula merujuk literasi digital sebagai teknologi secara digital dan juga literasi yang dikembangkan berdasarkan literasi moden yang dibentuk dengan interaksi. Literasi digital sebenarnya ialah konstruksi yang lebih luas daripada aspek teknikal penggunaan alat digital. Istilah ini merangkumi perspektif kognitif dan sosial-emosi menggunakan alat digital termasuk keupayaan memahami pelbagai mod bagi membina makna baharu dan dalam mentafsir makna yang tertanam dalam sumber digital dalam pelbagai formatnya serta dialog komuniti dalam talian (Ng, 2015a).

Pengantaraan lain termasuk lebih banyak teknologi digital. Tapak web, wiki dan blog ialah mediator digital, imej (kedua-duanya pegun dan bergerak) serta bunyi (bergantung pada cara ia telah disediakan). Aplikasi rangkaian sosial adalah contoh lanjut pengantaraan digital. Alat terjemahan atau alatan untuk menghasilkan teks bertulis sebagai bunyi, seperti yang terbina dalam enjin carian Google, adalah contoh pengantaraan digital sama ada bunyi atau imej. Pengantaraan lain termasuk teknologi yang lebih digital. Laman web, wiki dan blog adalah pengantara digital, imej (kedua-duanya masih dan bergerak) serta bunyi (bergantung kepada bagaimana mereka telah ditubuhkan). Aplikasi rangkaian sosial adalah contoh pengantaraan digital. Alatan atau alat terjemahan untuk menghasilkan teks bertulis sebagai bunyi, seperti yang dibina ke dalam enjin carian Google, adalah contoh pengantaraan digital sama ada bunyi atau imej (Nicholas & Starks, 2014).

3.2. Kewarganegaraan Digital

Kewarganegaraan digital mewakili dimensi baru pendidikan kewarganegaraan yang berfokus kepada aspek mengajar pelajar untuk bekerja, tinggal dan berkongsi dalam persekitaran digital dengan cara yang positif merangkumi prestasi belajar dan akademik

pelajar, persekitaran pelajar dan tingkah laku pelajar, kehidupan pelajar di luar persekitaran sekolah (Aytekin & Azlem, 2014). Pada peringkat asas, pendidikan kewarganegaraan digital diperkenalkan di dunia bertujuan memastikan bahawa mereka yang bukan "peribumi digital" atau tidak memiliki peluang untuk menjadi "warga digital" tidak dipinggirkan dalam masyarakat (Fernández-Prados et al., 2021). Fokus dan penekanan baharu perlu diberikan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mengendali teknologi mengenai perkara yang hendak diajar dan bagaimana teknologi itu harus digunakan dalam menghubungkan sistem pendidikan dengan teknologi dalam kehidupan merangkumi semua peringkat pendidikan terutama peringkat pendidikan rendah dan menengah. Perkembangan teknologi dan alat digital dalam dunia pendidikan memerlukan pelajar dan guru memiliki pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam mendapatkan hasil akademik yang positif. Para pelajar perlulah diajar bagaimana belajar dalam masyarakat digital yang berupaya belajar apa sahaja, bila-bila masa dan di mana sahaja serta belajar menguasai segala teknologi baru dengan cepat dan tepat (Bannister, 2020).

Kewarganegaraan digital adalah produk pendidikan zaman yang disertai dengan penyebaran teknologi, dan contoh pengajaran meta-literasi menyediakan rujukan untuk bidang pendidikan ini. Di satu pihak, meta-literasi boleh menggalakkan akses kepada maklumat dan pembangunan pelbagai literasi dan pembelajaran, dan juga menghapuskan jurang digital; Sebaliknya, menggunakan sistem lencana digital untuk menjalankan amalan teknologi meta-literasi dan mencerminkan integrasi pendidikan maklumat yang mendalam, dan memberi inspirasi kepada penyelidikan dan amalan kewarganegaraan digital. Tujuan pendidikan kewarganegaraan digital adalah untuk memupuk warga digital, melayakkan mereka mengikut norma tingkah laku yang sesuai dan bertanggungjawab yang diperlukan dalam era ini dengan perkembangan pesat sains dan teknologi. Justeru itu, strategi pemeraksanaan literasi digital dan pelaksanaan pendidikan kewarganegaraan digital di sekolah perlu dilaksanakan segera bagi melayakkan pelajar sebagai warganegara digital dalam era digital yang kompeten dengan menanam konsep dan strategi yang kuat berlandaskan kurikulum bersepadu di sekolah-sekolah.

4. Strategi Pelaksanaan Literasi dan Kewarganegaraan Digital dalam Pendidikan

Memandangkan pendedahan mengenai pendidikan literasi dan kewarganegaraan digital masih di peringkat awal dan diperkenalkan secara tidak langsung dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan rendah di Malaysia. Kementerian pendidikan dilihat perlu mengambil langkah drastik dalam mengatur strategi memperkenalkan pendidikan ini dalam kurikulum dan pengajaran secara langsung bagi memastikan kelangsungan pendidikan secara digital pada masa kini dilandaskan dengan amalan kewarganegaraan digital yang berupaya membimbing pelajar supaya menjadi warganegara digital yang mempunyai tahap literasi digital yang tinggi serta beretika. Beberapa cadangan strategi pelaksanaan literasi dan kewarganegaraan digital dalam konteks pendidikan di Malaysia antaranya:

4.1. Mengukuhkan penguasaan literasi digital dan menerapkan pendidikan kewarganegaraan digital dalam pengajaran dan pembelajaran serta kurikulum kebangsaan.

Penguatan literasi digital dapat dilakukan di sekolah dengan menyediakan satu silibus asas penggunaan alat-alat digital web 2.0 bagi pelajar. Penguatan ini merangkumi

usaha untuk mempelbagaikan kaedah menyelesaikan tugas-tugas dan mengaplikasikan alat digital web 2.0 sebagai medium utama dalam aspek pengajaran, pembelajaran dan penilaian di sekolah. Silibus tersebut boleh dimasukkan dalam mana-mana kurikulum yang bersesuaian seperti pada mata pelajaran kewarganegaraan, reka bentuk industri, atau kemahiran hidup yang mana kurikulum sedia ada perlu juga melalui rombakan mengikut keperluan semasa dunia yang memerlukan asas kemahiran digital. Perkara ini dapat mengurangkan beban kurikulum sedia ada, malah penilaian yang penggunaan aplikasi web 2.0 untuk mendorong anak muda mengembangkan kemampuan, penglibatan dan kreativiti dalam talian serta memupuk kesedaran tentang implikasi dari setiap kegiatan dalam talian mereka. Hal ini, membolehkan pengajaran, pembelajaran dan penilaian boleh dilakukan di mana-mana, bila-bila masa dan kepelbagaian alat pengukuran pembelajaran yang berasaskan web. Dalam silibus tersebut, pendidikan terhadap kewarganegaraan digital perlu diterapkan dalam salah satu topik supaya pelajar menggunakan memahami penggunaan alat-alat media digital dengan hemah, beretika dan bertanggungjawab.

4.2. Mempromosi kurikulum asas etika dan standard tingkah laku dalam platform digital kepada pelajar, ibu bapa, dan pendidik.

Di samping sekolah mengajar anak-anak kemahiran pembuatan, komunikasi, hubungan, dan kolaborasi abad ke-21, pendidikan digital ini harus dipromosikan kepada keseluruhan warga dalam sekolah yang melibatkan guru, ibu bapa dan pentadbir mengenai perkara-perkara penting dalam literasi digital dan kewarganegaraan agar semua warga digital dalam radius sekolah memahami kepentingan melindungi privasi, mengenali kewarganegaraan, dan mempertahankan standard etika. Ibu bapa perlu meneruskan pembelajaran kesedaran ini di rumah secara tidak langsung dengan melakukan pemantauan kepenggunaan terhadap media digital anak-anak sepanjang berada di rumah.

4.3. Mendidik dan memperkasakan guru supaya mereka dapat memahami dan mengajar literasi digital dan kewarganegaraan.

Lambakan alat dan aplikasi digital menggesa guru mengembangkan dan mengukuhkan kecekapan dalam penggunaan teknologi. Adalah penting untuk guru mengenal pasti pendidikan berasaskan teknologi secara strategik dan berlandaskan etika sebagai warga negara digital yang bertanggungjawab kerana pengetahuan dan kemahirannya menjadi nilai ukur kepada pelajar (Mourad et al., 2018). Secara asasnya pendidik juga menggunakan teknologi secara peribadi, seperti komunikasi, pencarian maklumat, perbankan, membeli belah dan lain-lain, namun guru-guru tidak memiliki latihan formal dalam reka bentuk instruksional yang bersepadu dengan teknologi. Sebahagian antara sebab teknologi tidak dioptimumkan dalam meningkatkan pembelajaran adalah kurangnya pengetahuan dari pihak pendidik itu sendiri. Guru di seluruh negara memerlukan latihan dan persiapan dalam asas-asas literasi digital dan kewarganegaraan. Sebilangan besar guru dan pentadbir hari ini lebih ketinggalan berbanding pelajar mereka dalam memahami dan menggunakan teknologi dan media digital. Guru juga memerlukan pengembangan dan bimbingan profesional tentang bagaimana menghubungkan persekitaran pembelajaran formal (sekolah) dengan persekitaran pembelajaran tidak formal (program selepas sekolah, perpustakaan, rumah) kerana media digital dan teknologi merentasi keseluruhan ruang dan masa pelajar zaman ini. Guru juga perlu mendokumentasikan dan menilai proses pemikiran transformatif dan sistematik bagi menyumbang kepada wacana pembelajaran dengan

teknologi pendidikan yang lebih berjaya di samping mengambil peluang untuk bergaul dengan pengguna teknologi.

4.4. Mendidik dan memperkasakan pemahaman ibu bapa mengenai teknologi dan garis panduan tingkah laku yang penting melibatkan penggunaan media digital.

Ibu bapa merupakan guru pertama dan pendidik utama anak-anak di rumah. Dalam menjalani tugas melindungi dan membimbing, ibu bapa perlu memahami bukan sahaja teknologi yang digunakan dalam kehidupan anak-anak mereka, tetapi juga isu-isu mengenai tingkah laku dan penggunaan yang bertanggungjawab, keselamatan, dan etika di dunia digital. Ilmu dan pengetahuan ini hanya dapat diperolehi oleh ibu bapa melalui pembacaan dan pencarian maklumat. Ibu bapa perlu memberi kesedaran dan memantau aktiviti anak-anak dalam dunia digital bagi melindungi anak-anak ini dari ancaman bahaya dalam dunia maya. Ibu bapa terlebih dahulu memahami sembilan elemen yang terkandung dalam prinsip kewarganegaraan digital yang perlu disampaikan kepada anak-anak secara tidak langsung di samping pengetahuan tersebut digunakan kepada diri mereka sendiri sebagai warganegara digital yang bertanggungjawab.

5. Kesimpulan

Kertas konsep ini telah menjelaskan konsep dan strategi literasi dan kewarganegaraan digital dalam pendidikan di Malaysia. Antara strategi yang diusulkan adalah pengukuhan penguasaan literasi digital serta penerapan pendidikan kewarganegaraan digital dalam pengajaran dan pembelajaran, mempromosikan kepada pelajar, ibu bapa, dan pendidik berkaitan kurikulum asas etika dan standard tingkah laku dalam platform digital, memperkasakan guru supaya mereka dapat memahami dan mengajar literasi digital dan kewarganegaraan; dan akhir sekali meningkatkan pemahaman ibu bapa mengenai teknologi dan garis panduan tingkah laku yang penting melibatkan penggunaan media digital. Antara cadangan utama selepas ini adalah mengkaji tahap literasi dan kefahaman pendidikan kewarganegaraan digital bagi pelajar pendidikan menengah dan rendah, membangun dan mempelbagaikan alat penilaian kemahiran berasaskan web 2.0 dan 3.0 dalam pelbagai konteks dunia digital dan mengatasi masalah pengajaran jarak jauh atas faktor pandemik dan kekangan pembelajaran bersemuka. Selain itu, idea utama yang perlu dihayati ialah semangat dan jati diri kewarganegaraan yang perlu dipelihara walaupun menjalani kehidupan tanpa sempadan berteraskan digitalisasi.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Kami mengucapkan terima kasih kepada semua orang yang terlibat dalam menyumbangkan kepakaran dan buah fikiran yang dalam penyelidikan ini.

Kewangan (*Funding*)

Setinggi-setinggi penghargaan terhadap sokongan kewangan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di bawah Dana Geran Penyelidikan FPEND (Nombor Geran: GG-2021-K021854).

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan mana-mana pihak yang terlibat dalam kajian dan penerbitan ini.

Rujukan

- Adorjan, M., & Ricciardelli, R. (2019). *Cyber-Risk And Youth: Digital Citizenship, Privacy And Surveillance*. Routledge Taylor & Francis Group.
- Aytekin Isman, & Azlem Canan Gungoren. (2014). Digital citizenship. *The Turkish Online Journal of Education Technology*, 13(3), 73–77.
- Azman, A., Singh, P. S. J., Parker, J., & Ashencaen Crabtree, S. (2020). Addressing competency requirements of social work students during the COVID-19 pandemic in Malaysia. *Social Work Education*, 39(8), 1058–1065. <https://doi.org/10.1080/02615479.2020.1815692>
- Bannister, C. (2020). *Digital citizenship An Overview of the Nine Elements to Becoming a Good Citizen*. [Http://Www.Digitalcitizenship.Net/Nine-Elements.Htm](http://Www.Digitalcitizenship.Net/Nine-Elements.Htm). <http://www.digitalcitizenship.net/nine-elements.html>
- Cavus, S., Akman, E., & Ahyan, B. (2018). Transformation Of Secrecy And Privacy: Social Media Behavior Of Turkish And Kyrgyz Students. *13th International Symposium on Communication in the Millennium*, 43, 561–580.
- Chukwuemeka, E. J., Dominic, S., & Kareem, M. A. (2020). *Redesigning Educational Delivery Systems: The Needs and Options for Continuous Learning during the Coronavirus (COVID-19) Pandemic in Nigeria Redesigning Educational Delivery Systems: The Needs and Options for Continuous Learning during the Coronaviru. December*. <https://doi.org/https://doi.org/10.30935/cedtech/XXXX>
- De Giusti, A. (2020). Policy Brief: Education during COVID-19 and beyond. *Revista Iberoamericana de Tecnología En Educación y Educación En Tecnología*, 26, e12. <https://doi.org/10.24215/18509959.26.e12>
- Fernández-Prados, J. S., Lozano-Díaz, A., & Ainz-Galende, A. (2021). Measuring Digital Citizenship: A Comparative Analysis. *Informatics*, 8(1), 18. <https://doi.org/10.3390/informatics8010018>
- Iinuma, M. (2016). Learning and Teaching with Technology in the Knowledge Society. In *Business Systems Research* (Vol. 9, Issue 1). Springer Singapore. <https://doi.org/10.1007/978-981-10-0144-4>
- Joshi, A., Vinay, M., & Bhaskar, P. (2021). Impact of Coronavirus Pandemic on the Indian Education sector: Perspectives of Teachers on Online Teaching and Assessments. *Interactive Technology and Smart Education*, 18(2), 205–226. <https://doi.org/10.1108/ITSE-06-2020-0087>
- Mourad Benali, Mehdi Kaddouri, & Toufik Azzimani. (2018). Digital Competence of Moroccan Teachers of English. *International Journal of Education and Development Using Information and Communication Technology(IJEDICT)*, 14(2), 99–120.
- Ng, W. (2015a). Digital Literacy: The Overarching Element for Successful Technology Integration. In *New Digital Technology in Education* (pp. 125–145). Springer International Publishing. https://doi.org/10.1007/978-3-319-05822-1_6
- Ng, W. (2015b). New Digital Technology in Education. In *Springer International Publishing Switzerland*. Springer International Publishing. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-05822-1>
- Nicholas, H., & Starks, D. (2014). Language Education and Applied Linguistics: Bridging the Two Fields. In *Language Education and Applied Linguistics: Bridging the two*

Fields. Routledge Taylor & Francis Group.
<https://doi.org/10.4324/9781315818030>

- Thota, N., & Joao G M Negreiros. (2019). Introducing Educational Technologies to Teachers : Experience Report Introducing Educational Technologies to Teachers : Experience Report. *Journal of University Teaching & Learning Practice*, 12(1), 15.
- Wedlock, B. C., & Grove, R. (2017). The Technology Driven Student: How to Apply Bloom's Revised Taxonomy to the Digital Generations. *Journal of Education & Social Policy*, 7(1), 25–34. www.jespnet.com